

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI
SHIEN (JULAU)**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci apakah bentuk inisiatif yang diberikan kepada pelajar miskin B40 di bawah program Tabung Cerdik dan jelaskan mengapa Sekolah Menengah Kebangsaan Pakan tidak disenaraikan di dalam program tersebut sedangkan Pakan adalah salah sebuah daerah termiskin di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Inisiatif Tabung CERDIK adalah satu inisiatif pemberian peranti digital lengkap dengan pelan data kepada 150,000 orang murid B40 yang dilaksanakan oleh Yayasan Hasanah, sebuah yayasan di bawah Khazanah Nasional. CERDIK merupakan satu inisiatif tanggung jawab sosial korporat (CSR) oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) bertujuan menyediakan peranti digital kepada murid B40 yang dikenal pasti. Yayasan Hasanah bertanggungjawab menguruskan sumbangan peranti digital termasuk pelan data daripada GLC dan GLIC serta menyelaras penghantaran peranti digital ke pejabat pendidikan daerah (PPD). Manakala, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertanggungjawab untuk mengenal pasti murid B40 yang layak

menerima peranti digital mengikut kriteria yang ditetapkan dan seterusnya menguruskan agihan peranti digital tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan kriteria penerima peranti Tabung CERDIK telah dipersetujui dalam peringkat Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal Inisiatif CERDIK. Kriteria pemilihan sekolah dan murid yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa adalah seperti berikut:

- i) murid B40 yang dikenal pasti di sekolah bawah KPM; dan
- ii) senarai sekolah rendah disusun mengikut kedudukan bilangan murid B40 tertinggi bagi kohort Tahun Empat di setiap PPD; dan
- iii) senarai sekolah menengah disusun mengikut kedudukan bilangan murid B40 tertinggi bagi kohort Tingkatan Tiga di setiap PPD; dan
- iv) pemilihan sekolah di setiap PPD dibuat dengan mengambil kira keseimbangan lokasi sekolah di kawasan bandar dan luar bandar serta kemudahan capaian Internet dan bekalan elektrik di kawasan sekitarnya; dan
- v) bagi sekolah yang terpilih, setiap murid B40 dalam kohort Tahun Empat di sekolah rendah atau kohort Tingkatan Tiga di sekolah menengah akan menerima peranti digital Tabung CERDIK.

Oleh itu, Sekolah Menengah Kebangsaan Pakan tidak memenuhi salah satu kriteria yang ditetapkan khususnya capaian internet di kawasan sekitarnya. Namun begitu, sebanyak 337 unit peranti digital inisiatif Tabung CERDIK telah diagihkan kepada empat buah sekolah dalam Parlimen Julau.